



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK:700 –1/4 Jld. 2(46)
Tarikh : 31 Mac 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

MAJLIS PERUNDINGAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA BERSAMA BADAN PROFESIONAL BIL. 1/2022

- Minit mesyuarat

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Majlis Perundingan Perundingan yang telah diadakan pada 7 Mac 2022 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak urusetia Majlis Perundingan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Bersama Badan Profesional Bil. 1/2022 telah menerima 27 usul secara keseluruhan. Bagaimanapun setelah dibuat penelitian dan tapisan sebanyak 18 usul telah diangkat dan dibincangkan dalam majlis perundingan tersebut manakala 9 usul lagi akan dijawab secara bertulis.

3. Bersama-sama ini dilampirkan minit mesyuarat dan usul yang dibincangkan untuk makluman dan perhatian YBhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' SRI Ts. MOHAMMAD HAMDAN BIN HAJI WAHID)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

KP/AIO/aj

...2/-

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO QMS 02101

CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO ABMS 00216

s.k.

1. YAS Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
2. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Bomba dan Penyelamatan Malaysia
3. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Bomba dan Penyelamatan Malaysia
4. YS Pengarah
Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat
5. YS Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
6. YS Pengarah
Bahagian Penyiasatan Kebakaran
7. YS Pengarah
Bahagian Pembangunan
8. YS Pengarah
Bahagian Latihan
9. Semua Ketua Cawangan & Pegawai
Bahagian Keselamatan Kebakaran

SENARAI EDARAN

1. **Ketua Pengarah**
Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia)
Level 4, 5, 6 & 7, Tower 2,
Menara Cyber Axis, Jalan Impact,
Cyber 6,
63000 Cyberjaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-8008 2900
Fax: 03-8008 2901
e-mel: anuratha@jasm.gov.my
2. **Ketua Pengarah**
Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)
Menara Kerja Raya (Blok G),
Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin,
50480 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tel: 03-2610 8888/ 2618 9000
Fax: 03-2618 8799
e-mel: sharina@jkr.gov.my; nurfarizah@jkr.gov.my; zailani@jkr.gov.my
3. **Ketua Pengarah**
Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 25-29, No. 51,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya
Tel: 03-8891 3000
Fax: 03-8891 3090
e-mel: ooiteelee@jkr.gov.my
4. **President**
Boards of Engineers Malaysia (BEM)
Tingkat 17, Blok F,
Ibu Pejabat JKR,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur
(u.p.: Ir. Chen Thiam Leong)
Tel: 03-2691 2090, 03-2610 7095
Fax: 03-2692 5017
e-mel: tlchen55@gmail.com
5. **President**
Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)
Tingkat 17, Blok F,
Ibu Pejabat JKR,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur
(u.p.: Ar. Jafri Merican Din Merican)
Tel: 03-2698 2878
e-mel: jafrimerican@gmail.com;

6. **President**

Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM)

99L, Jalan Tandok,
59100 Bangsar,
Kuala Lumpur

(u.p.: Ar. Chong Lee Siong)

Tel: 03-2202 2866

Fax: 03-2202 2566

e-mel: ls.chong@leesiong.com; choohenghuat@hotmail.com; awhooifang@gmail.com

7. **President**

The Institution of Engineers, Malaysia (IEM)

Bangunan Ingenieur, Lot 60/62,
Jalan 52/4, Peti Surat 223 (Jalan Sultan),
46720 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

(u.p. Ir. Wong See Foong)

Tel: 03-7968 4001/4002, 03-7968 4006

Fax: 03-7957 7678

e-mel: wongfoong@gmail.com

8. **President**

Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM)

Suite 20-9, Level 20,
Menara 1MK, No.1 Jalan Kiara,
Mont. Kiara,
50480 Kuala Lumpur.

(u.p. Ir. Au Chong Hun)

Tel: 012-5640064

Fax: 03-20953499

e-mel: au.pesb@gmail.com

9. **President**

The Institution of Fire Engineers (UK) Malaysia Branch (IFE)

28, Jalan 3/154, Taman Bukit Anggerik, Cheras,
56000 Kuala Lumpur.

(u.p. Encik)

Tel: 03-9101 2255

Fax: 03-91017700

e-mel: haogiang@gmail.com

10. **President,**

The Institution of Masters In Disaster and Emergency Management Malaysia (IMDEMM)

Fire and Rescue Department of Malaysia
Kuala Lumpur Head Quarters,
Jalan Maharajalela,
50648 Kuala Lumpur

(u.p.: Encik Muhammad Seif bin Abdullah)

Tel: 03-21817653

Fax: 03-21813459

e-mel: seif@vts.net.my

11. Managing Director

SIRIM QAS International Sdn Bhd

1 Persiaran Dato' Menteri,
40911 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
(u.p. Encik Zaini bin Ahmad)
Tel: 018-2298675
Fax: 03-55446810
e-mel: zaini@sirim.my

12. President

Malaysian Fire Protection Association (MFPA)

No. 25-4, Block H,
Jalan PJU 1/37, Dataran Prima,
47301 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan
(u.p. Encik Tee Siew Chong)
Tel: 03-78040 9141
Fax: 03-78044592
e-mel: office@mfpa.com.my

13. President

Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)

Head Office Wisma FMM
No. 3 Persiaran Dagang, PJU 9,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur
P O Box 28, Jinjang,
52000 Kuala Lumpur
(u.p.: Encik Arunan Karupan)
Tel: 03-62867200
Fax: 03-62741266/7288
e-mel: arunan.karupan@my.nestle.com

14. Pengerusi

Persatuan Insuran Am Malaysia (PIAM)

3rd Floor Wisma PIAM 150 Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur.
(Encik Rahmat Abdul Rashid)
Tel: 019-2356650
Fax: 03-2274 5910
e-mel: rahmat.rashid@qbe.com.my

15. President

Real Estate & Housing Developers Association (REHDA)

Wisma REHDA
No. 2C, Jalan SS5D/6
Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
(u.p.: Ir Tiah Oon Ling
Tel : 03-7803 2978
Fax : 03-7803 5285
e-mel: secretariat@rehda.com

16. Dekan / Ketua Jabatan Fakulti Rekabentuk Dan Senibina

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
(u.p.: Ar. Aznida Azlan
Tel: 03-97694090
Fax: 03-89480017
e-mel: idaaazlan@upm.edu.my

17. Dekan / Ketua Jabatan Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur

Universiti Teknologi Mara (UiTM)

40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
(u.p.: Sr. Dr. Mohamad Sufian bin Hashim)
Tel: 019-6765200
Fax: 03-5544 4353
e-mel: moham315@uitm.edu.my

18. Dekan / Ketua Jabatan School of Housing, Building and Planning

Universiti Sains Malaysia (USM)

11800 Pulau Pinang
(u.p.: Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rodzi bin Ismail
Tel: 04-653 3888 ext. 3177 / 3173
Fax: 04-657 6523
e-mel: dean_hbp@usm.my

19. President,

Society of Fire Protection Engineer (SFPE) Malaysia,

Ibu Pejabat jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Lebuh Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERUNDINGAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA BERSAMA BADAN PROFESIONAL BIL. 1/2022**

Tarikh : 7 Mac 2022 (Isnin)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Secara dalam talian (online Zoom Meeting)

KEHADIRAN :

- | | |
|---|--|
| 1. Dato' Sri Ts. Mohammad Hamdan b. Haji Wahid | Ketua Pengarah (Pengerusi) |
| 2. Dato' Edwin Galan Teruki | Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) |
| 3. PKPjB Ahmad Izram b. Osman | Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran |
| 4. PKPjB Othman b. Abdullah | Pengarah Bahagian Pembangunan |
| 5. PKPjB Md Ali b. Ismail | Pengarah Bahagian Latihan |
| 6. PKPjB Azlimin b. Mat Noor | Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran |
| 7. PKPjB Kamarulzaman Malik b. Abdullah | Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan |
| 8. PPjB Muhammad Salleh b. Abdul | Bahagian Keselamatan Kebakaran |
| 9. PPjB Nik Zulkifli b. Ibrahim | Bahagian Keselamatan Kebakaran |
| 10. PPjB Siti Rohani bt. Nadir | Bahagian Keselamatan Kebakaran |
| 11. PgKB I Hasrin b. Hasbi | Bahagian Keselamatan Kebakaran |
| 12. PgKB I Wan Ahmad Mukhriz Wan Mohamed Dumiri | Bahagian Keselamatan Kebakaran |
| 13. PgKB II Jasni b. Ali | PUSPEK |
| 14. PgKB II Syaiful Azri Ismail | Bahagian Pengurusan Korporat |
| 15. Ir. Wong See Foong | IEM |
| 16. Arunan Karupan | FMM |
| 17. Rahmat b. Abdul Rashid | PIAM |
| 18. Ir. Chen Thiam Leong | Lembaga Jurutera Malaysia |
| 19. Ir. Siti Nor bt. Hassan | JKR (CKE) |
| 20. Ir. Norizaludin b. Abd Karim | JKR (CKM) |
| 21. Ar. Sharina Intan bt. Abdullah | JKR (CKA) |
| 22. Ar. Jafri Merican b. Din Merican | LAM |
| 23. Lee Kong Fan | IFEM |
| 24. Tee Siew Chong | MFPA |
| 25. Ar. Ng Tzer Ying | PAM |
| 26. Ar. Choo Heng Huat | PAM |
| 27. Ar. Husam Abdul Fatah b. Haron | PAM |
| 28. Zaini b. Ahmad | SIRIM |
| 29. Ir. Au Chong Hun | ACEM |
| 30. Ooi Tee Lee | JKT |
| 31. Zhaiez Mohamad | JSM |
| 32. Ay Cheong Hin | ACEM |
| 33. Muhammad Seif b. Abdullah | IMDEMM |
| 34. Ir. Tiah Oon Ling | REHDA |
| 35. Anuratha Sivam | JSM |
| 36. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rodzi b. Ismail | USM |

37. Sr. Dr. Mohamad Sufian b. Hashim	UiTM
38. Ar. Aznida bt. Azlan	UPM

URUSETIA:

1. PgKB I Dr Ts. Mohd Zaid b. Abd Ghani	Bahagian Keselamatan Kebakaran
2. PgKB II Amram b. Jaya	BKK (Pencatat)
3. PgB Halif bin Mohd Khir Juhari	BKK
4. PgB Tuan Rosdan Tuan Kob	BKK
5. PgB Amiruddin Shukri bin Omar	BKK
6. PgB Mohd Fazwan b. Mohd Nawi	BKK

1. UCAPAN ALU – ALUAN Pengerusi

YAS Dato' Sri Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir.

YAS Dato' Sri Pengerusi memaklumkan bahawa pada 29 September 2021 pihak urusetia (Bahagian Keselamatan Kebakaran) telah mengeluarkan surat pemakluman meminta agensi yang berkaitan supaya mengemukakan usul untuk dibincangkan dalam majlis perundingan.

Enam (6) agensi telah mengemukakan usul iaitu JKR, ACEM, IEM, IMDEMM, FMM dan IFE yang merangkumi sebanyak 27 usul. Pihak urusetia telah memutuskan hanya 18 usul akan dibincangkan dalam Majlis Perundingan manakala 9 usul akan diberikan maklumbalas secara bertulis dan akan diedarkan kepada semua ahli mesyuarat.

2. PERKARA YANG DIBINCANGKAN

2.1 USUL 1

Pihak JKR memohon persetujuan daripada JBPM membenarkan proses pengemukaan rekabentuk dan pengiraan bagi *Automatic Gaseous Fire Suppression System (AGFSS)* dibuat setelah perlantikan kontraktor berkaitan dibuat.

2.1.1 Mesyuarat bersetuju dengan cadangan pihak JKR khususnya yang membabitkan projek kerajaan supaya pengemukaan pengiraan *Automatic Gaseous Fire Suppression System (AGFSS)* kepada JBPM dibuat setelah lantikan kontraktor dilaksanakan. Bagaimanapun pengiraan bagi sistem yang lain seperti *hose reel*, *wet riser* dan *sistem sprinkler* hendaklah dikemukakan di peringkat awal bersekali dengan pelan M&E.

2.1.2 Selepas perlantikan kontraktor, pelan lengkap AGFSS seperti pelan skematik, isometrik dan pengiraan hendaklah dikemukakan dengan segera.

Tindakan: Makluman

2.2 USUL 2

JKR mencadangkan supaya pihak JBPM memberi pengecualian ataupun mengeluarkan arahan yang jelas berhubung keperluan *Fire Escape Bed Lift (FEBL)* di projek fasiliti kesihatan (hospital, klinik kesihatan dll) dengan ketinggian rendah (3 tingkat atau kurang).

2.2.1 Mesyuarat bersetuju bahawa tiada pengecualian diberikan memandangkan *Fire Escape Bed Lift (FEBL)* adalah mengikut undang-undang kecil (uuk) 224A Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (Pindaan 2021) yang diwartakan pada 31 Disember 2021.

2.2.2 JBPM memaklumkan bahawa mengikut uuk 224A, hospital yang mempunyai ketinggian melebihi 1 tingkat hendaklah disediakan sekurang-kurangnya 2 unit *Fire Escape Bed Lift (FEBL)*.

2.2.3 Mesyuarat bersetuju bahawa keperluan FEBL hanya untuk hospital yang mempunyai wad sahaja tidak termasuk kemudahan kesihatan yang lain seperti klinik, makmal dan lain-lain.

Tindakan: Makluman

2.3 USUL 3

JKR mencadangkan agar pihak BOMBA dapat membuat penyeragaman keperluan sistem pencegah kebakaran yang diperlukan bagi bangunan Klinik Jagaan Harian (*out patient*) dan Rawatan Pesakit Dalam (*in patient*) seluruh Malaysia.

2.3.1 JBPM memaklumkan bahawa keperluan Pemasangan Keselamatan Kebakaran (PKK) adalah seragam diseluruh negara mengikut Jadual Kesepuluh UUKBS 1984 (Pindaan 2021).

2.3.2 JBPM juga memaklumkan bahawa perkara ini telah dibincangkan di dalam mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-78 secara dalam talian (*online*) pada 22 Jun 2021 (Pre-Council) dan 13 Julai 2021. Mesyuarat MNKT telah bersetuju dan mengambil keputusan untuk menggunakan keseluruhan UBBL 1984 (pindaan 2021).

2.3.1 JBPM juga memaklumkan bahawa persetujuan telah dicapai di dalam mesyuarat MNKT yang telah dihadiri oleh pihak-pihak Kerajaan Negeri seluruh Malaysia.

Tindakan: Makluman

2.4 USUL 4

Pihak JKR mencadangkan agar pihak JBPM dapat menyeragamkan dan menyediakan garis panduan dalam menentukan pemilihan tangga bomba untuk meletakkan *fireman switch*.

2.4.1 JBPM memaklumkan bahawa Pemasangan *fireman's switch* hendaklah mengikut UUK 240(1) & 240(2) UBBL 1984 (Pindaan 2021).

Tindakan: Makluman

2.5 USUL 5

Pihak JKR mengusulkan supaya pihak JBPM memuktamadkan penggunaan *contactor* ataupun *shunt trip@MCCB* bagi *fireman switch*.

2.5.1 JBPM memaklumkan bahawa berdasarkan pada uuk 240 fungsi *firemen switch* adalah untuk memutuskan bekalan tenaga elektrik di lantai atau zon berkenaan. Penggunaan *contactor* ataupun *shunt trip* adalah dibenarkan asalkan mematuhi UUK 240.

Tindakan: Makluman

2.6 USUL 6

JKR mencadangkan agar pihak JBPM dapat menyeragamkan dan mempiawaikan UBBL Jadual Kesepuluh (*Tenth Schedule: Table of Requirements for Fire Detection, Fire Alarm and Fire Extinguishment Systems*) antara semua negeri di Malaysia.

2.6.1 Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa maklumbalas adalah sama seperti usul 3. Pihak JKR boleh merujuk Bahagian Keselamatan Kebakaran, Ibu pejabat sekiranya ada sebarang pertanyaan.

Tindakan: Makluman

2.7 USUL 7

JKR mencadangkan supaya ditetapkan penyeragaman syarat-syarat kelulusan kebombaannya di antara Ibu Pejabat Bomba dan Bomba Negeri- negeri khususnya yang melibatkan pelan piawai. Terdapat juga tafsiran yang berbeza di antara pegawai- pegawai.

2.7.1 JBPM memaklumkan bahawa pelan piawai (tanpa pelan tapak) diproses dan diperakukan di peringkat Ibu Pejabat JBPM dan boleh digunakan diseluruh negara. Pihak JKR perlu mengemukakan pelan piawai yang telah diperakukan kepada JBPM negeri bersama pelan tapak yang menunjukkan akses perkakas bomba dan kedudukan pili bomba. Pihak JBPM negeri tidak perlu lagi memberikan ulasan bagi pelan piawai kecuali berkaitan akses dan pili bomba.

2.7.2 Untuk akses bomba dan pili bomba, pihak JKR hendaklah berbincang dengan JBPM Negeri bagi penempatan kedua-dua perkara tersebut.

Tindakan: Makluman

2.8 Usul 8

ACEM mencadangkan supaya penguatkuasaan sesuatu Keperluan Pepasangan Keselamatan Kebakaran (PKK) baharu/polisi baharu oleh JBPM hendaklah mengecualikan projek-projek yang telah dikemukakan atau diluluskan dengan syarat:

- i) Pengemukaan Pelan Bangunan(PB) telah dibuat tidak lebih 18 bulan dari tarikh kelulusan Kebenaran Merancang(KM); atau
- ii) Kelulusan PB diperolehi tidak lebih 30 bulan dari Tarikh Kebenaran Merancang (KM); yang mana kemudian.

2.8.1 JBPM memaklumkan bahawa akan membuat pertimbangan yang menyeluruh sebelum menetapkan tarikh penguatkuasaan yang munasabah bagi sesuatu dasar/polisi baharu dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti projek yang telah dirancang, direkabentuk dan kontrak yang telah dimeterai yang akan melibatkan masa, kos dan kekangan bagi pindaan rekabentuk sesuatu cadangan pembangunan.

Tindakan: JBPM

2.9 Usul 9

ACEM mengusulkan supaya penetapan bahan binaan bagi keselamatan kebakaran(fire safety) yang dikeluarkan sijil Pepasangan Keselamatan Kebakaran(Sijil Perakuan Bahan) hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 3 jenama/pengeluar di pasaran. Ini bagi memastikan amalan baik dan untuk mengelakkan monopoli dan manipulasi harga.

2.9.1 JBPM memaklumkan bahawa tidak bersetuju dengan penetapan seperti ini kerana ia akan mewujudkan pelbagai masalah. Keperluan dan ketersediaan pengeluar akan ditentukan oleh pasaran terbuka dan ianya diluar bidang kuasa JBPM.

Tindakan: Makluman

2.10 Usul 10

ACEM mencadangkan supaya jarak maksimum dari *hos reel* ke *hose reel* ditetapkan 50 meter kerana dengan jarak ini akan memenuhi liputan oleh *hose reel* berdasarkan MS 1489-1.

2.10.1 Mesyuarat bersetuju dengan cadangan supaya lokasi *hose reel* dirancang berdasarkan keseluruhan liputan (coverage) bagi *hose reel* yang boleh meliputi keseluruhan pelan lantai dan ditandakan di atas pelan arkitekural.

2.10.2 JBPM memaklumkan bahawa perkara-perkara berikut perlu diambil kira dalam merancang lokasi *hose reel*:

- i) Laluan ke *hose reel* hendaklah tidak terhalang oleh apa-apa kelengkapan atau peralatan;
- ii) Kedudukan dinding dalaman, *partitions*, *storage racking* dan lain-lain halangan yang boleh menghadkan liputan(coverage) *hose reel*.

2.11 Usul 11

IEM mengusulkan supaya pihak yang berautoriti memperakukan lebih banyak makmal ujian pam kebombaian samada secara permit sementara oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) memandangkan setakat ini hanya ada satu(1) makmal ujian sahaja yang mana tidak dapat menampung permintaan ujian yang tinggi dan memastikan kos ujian yang lebih kompetitif.

2.11.1 JBPM memaklumkan bahawa laporan ujian (test report) pam menentang kebakaran daripada makmal ujian UL, FM dan MS 2616 adalah diterima bagi tujuan mendapatkan Sijil Perakuan Keselamatan Kebakaran (sijil bahan).

2.11.2 JBPM juga memaklumkan bahawa sehingga kini terdapat 25 sijil Perakuan Keselamatan Kebakaran pam yang telah diluluskan oleh JBPM seperti berikut:

No	Nama Syarikat	Bilangan Sijil diluluskan	Piawaian
1	Castle Norm Pumps S/B	5	MS 2616
2	Bosche Far East S/B	2	UL448
3	Yamanashi S/B	7	MS 2616
4	Synergy Corp Energy S/B	2	UL448
5	Mac Tech S/B	2	UL448
6	Ebara Pump	1	UL448
7	HL Energy	1	UL448
8	Melur Global	1	UL448/FM 1319/1312/1311
9	CRS Engineering S/B	1	UL448/FM 1319 / 1312 / 1311
10	LTE Team Engineering S/B	1	MS 2616
11	ETA	2	UL448/FM 1319 / 1312 / 1311
JUMLAH KESELURUHAN		25	

Tindakan: Makluman

2.12 Usul 12

IEM mencadangkan supaya *pump acceptance testing* bagi ujian kadar aliran pam berdasarkan ISO 9906-2012 kepada *tolerance* Grade 2B berbanding Grade 1U yang digunapakai sekarang yang agak ketat (stringent). Australian Standard AS 2941:2013 *Fixed fire protection installations – Pumpset systems*, juga menetapkan Grade 2B sebagai *pump acceptance testing*.

2.12.1 JBPM tidak bersetuju dengan cadangan kerana penetapan *tolerance Grade 1U* adalah mengikut ketetapan di dalam MS 2616. Oleh itu, pematuhan hendaklah berdasarkan MS 2616 sehingga pindaan dibuat terhadap piawaian tersebut.

2.12.2 JBPM juga memaklumkan bahawa sehingga kini sebanyak 3 syarikat pam telah lulus ujian berdasarkan *tolerance grade 1U* seperti berikut:

No.	Nama Syarikat	Bilangan yang lulus Pam	Piawaian	Gred 1U
1.	Castle Norm Pumps S/B	5	MS 2616	Lulus
2.	LTE Team Engineering S/B	1	MS 2616	Lulus
3.	Yamanashi S/B	7	MS 2616	Lulus

Tindakan: Makluman

2.13 Usul 13

IEM memohon supaya JBPM mempercepatkan proses pendaftaran fire safety contractor.

2.13.1 JBPM memaklumkan bahawa pendaftaran *fire contractor* adalah melibatkan isu perundangan iaitu Akta 341. JBPM dalam proses mendapatkan pewartaan peraturan berkaitan pendaftaran *fire contractor* sebagai punca kuasa pelaksanaanya.

2.13.2 Pada masa ini Peraturan tersebut telah dihantar kepada pejabat Peguam Negara untuk semakan dan akan dikuatkuasakan setelah ianya diwartakan.

Tindakan: Makluman

2.14 Usul 14

IMDEMM memohon supaya JBPM mengeluarkan Garis Panduan atau Peraturan bagi Pengungsian Kecemasan di bangunan tinggi yang melibatkan perkara-perkara berikut:

- Kaedah Pemindahan (Evacuation Method)
- Keperluan refuge floor (kawasan/lantai perlindungan)
- Penggunaan lif untuk pemindahan kecemasan (evacuation lift)
- Keperluan bagi Tempat Berkumpul (Assembly area requirements)

2.14.1 JBPM memaklumkan bahawa perkara tersebut dalam tindakan dan akan menambahbaik Garis Panduan (GP) Pengungsian Bangunan yang sedia ada.

2.14.2 Garis Panduan baharu akan mengambil kira kesemua perkara yang dicadangkan termasuklah penggunaan *Evacuation Lift* mengikut Piawaian Antarabangsa seperti NFPA, British Standard, Singapore Fire Code dan lain-lain.

Tindakan: JBPM

2.15 Usul 15

FMM mengusulkan supaya JBPM membuat penyeragaman penggunaan standard bagi *In-Rack Sprinkler*.

2.15.1 JBPM memaklumkan bahawa penggunaan standard bagi *in-rack sprinkler (tambahan)* adalah bergantung kepada penggunaan standard bagi sistem *sprinkler* sedia ada yang dipasang mengikut kelulusan asal.

2.15.2 JBPM menekankan bahawa penggunaan standard merupakan pilihan designer (submitting person), bagaimanapun Piawaian Malaysia hendaklah diutamakan mengikut UUK 257, UUKBS 1984. Penggunaan standard selain Piawaian Malaysia, hendaklah mendapatkan kebenaran dari JBPM.

Tindakan: Makluman

2.16 Usul 16

FMM mencadangkan supaya JBPM mengeluarkan garis panduan dan SOP bagi permohonan Perakuan Bomba(FC) dan pembaharuan FC.

2.16.1 JBPM memaklumkan bahawa Peraturan dan Garis Panduan bagi permohonan Perakuan Bomba dan Pembaharuan telah diwartakan pada 30 September 2020 iaitu Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) (Pindaan) 2020 P.U.(A) 290/2020.

2.16.2 JBPM juga menerangkan bahawa mengikut peraturan di atas, permohonan FC dan Pembaharuan boleh dibuat sendiri oleh Pemohon yang terdiri dari Pemunya, Penghuni atau Orang Yang Mempunyai Pengurusan Sepenuhnya ke atas Premis Ditetapkan.

Tindakan: Makluman

2.17 Usul 17

IFEM mengusulkan supaya *Lift landing door* perlu diuji berdasarkan MS 1073: Part 3: 1996 sama seperti pintu api bagi melindungi bukaan pada *protected shaft*.

2.17.1 JBPM memaklumkan bahawa keperluan *lift landing door* adalah tidak sama dengan pintu api kerana pintu lif tidak digunakan untuk tujuan laluan keluar.

2.17.2 JBPM memaklumkan bahawa keperluan *fire rated lift landing door* adalah mengikut UUK 152.

2.17.3 JBPM telah mengeluarkan surat edaran berhubung ketetapan *lift landing door* seperti berikut pada 20/7/2017:

- i) Lif landing door tanpa insulasi bagi lif yang membuka di dalam lobi terlindung;
- ii) Lif landing door berinsulasi bagi lif yang membuka terus di dalam bangunan tanpa lobi terlindung.

Tindakan: Makluman

2.18 Usul 18

IFEM memohon supaya JBPM membuat kajian bagi jumlah aliran air bagi 3 way landing valve wet riser hendaklah 2,250 lpm dengan mengambil kira keperluan JBPM menetapkan 3 way landing valve di tingkat paling tinggi (topmost floor) iaitu 750 lpm setiap landing valve.

2.18.1 IEM memaklumkan bahawa kadar aliran air bagi *wet riser* adalah 500 lpm setiap *landing valve* dengan kadar maksimum 3 *landing valve* dibuka serentak. Tujuan utama 3 way *landing valve* di aras tertinggi adalah untuk tujuan ujian aliran air 1500 lpm dan bukannya untuk tujuan menentang kebakaran.

2.18.2 JBPM tiada halangan dengan cadangan jumlah aliran air bagi 3 way *landing valve wet riser* 2,250 lpm. Walaubagaimanapun, rekabentuk hendaklah mengikut MS 1489-2 dan sebarang perubahan terhadap aliran air hendaklah dibuat pindaan terhadap MS 1489-2 terlebih dahulu.

Tindakan: Makluman

3.0 HAL-HAL LAIN

3.1 Dato' Sri Pengerusi memaklumkan bahawa usul dan jawapan yang dibincangkan dalam Majlis Perundingan ini akan dimuatnaik di dalam FAQ, Bahagian Keselamatan Kebakaran sebagai rujukan kepada semua pemain industri.

3.2 Dato' Sri Pengerusi memaklumkan bahawa Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Fi Tugas Khas) 2021 dan juga tarikh penguatkuasaannya akan di muatnaik di dalam FAQ, Bahagian Keselamatan Kebakaran sebagai rujukan kepada semua pemain industri.

4.0 PENANGGUHAN MESYUARAT


YAS Dato' Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat dan menangguhkan mesyuarat pada pukul 12.00 tengah hari.



Disediakan Oleh:

Urus setia Mesyuarat,
Majlis Perundingan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Bersama Badan Profesional,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tarikh: 28 Mac 2022





27 USUL YANG DITERIMA**18 USUL DIBINCANGKAN****USUL 1**

Ir. Zulkifli bin Abdul Rashad
Caw. Kejuruteraan Mekanikal, JKR

Usul

- Persetujuan daripada JBPM membenarkan proses pengemukaan rekabentuk dan pengiraan bagi Automatic Gaseous Fire Suppression System (AGFSS) dibuat setelah perlantikan kontraktor berkaitan dibuat.

Tujuan

- Mempastikan pengemukaan rekabentuk dan pengiraan bagi AGFSS kepada pihak JBPM dilaksanakan selepas perlantikan kontraktor pakar (specialist) berkaitan.

Latar belakang

- Terdapat situasi di mana pihak JBPM memerlukan lukisan rekabentuk terperinci dan pengiraan bagi AGFSS di dalam permohonan kelulusan pelan aktif bagi sistem pencegah kebakaran. Sistem tersebut adalah di bawah skop rekabentuk kontraktor pakar (specialist) yang telah dilantik.
- Rekabentuk & lukisan terperinci yang disahkan oleh Jurutera Profesional Bertauliah dengan Amalan Kejuruteraan hanya diperolehi selepas perlantikan kontraktor berkaitan. Oleh yang demikian ianya tidak dapat dikemukakan di peringkat pra-kontrak.

USUL 2

Ir. Zulkifli bin Abdul Rashad
Caw. Kejuruteraan Mekanikal, JKR

Usul

- Cadangan supaya pihak JBPM memberi pengecualian ataupun mengeluarkan arahan yang jelas berhubung keperluan *Fire Escape Bed Lift (FEBL)* di projek fasiliti kesihatan (hospital, klinik kesihatan dll) dengan ketinggian rendah (3 tingkat atau kurang).

Tujuan

- Mempercepatkan proses rekabentuk serta mengelakkan implikasi kos dan pertambahan skop luar jangka.

Latar belakang

- Terdapat kekeliruan pada ulasan pihak JBPM di mana terhadap keperluan pemasangan *Fire Escape Bed Lift (FEBL)* untuk projek fasiliti kesihatan dan ianya tidak dinyatakan di dalam keperluan UBBL.

USUL 3

Ir. Zulkifli bin Abdul Rashad
Caw. Kejuruteraan Mekanikal, JKR

Usul

- Cadangan agar pihak BOMBA dapat membuat penyeragaman keperluan sistem pencegah kebakaran yang diperlukan bagi bangunan Klinik Jagaan Harian (*out patient*) dan Rawatan Pesakit Dalam (*in patient*) seluruh Malaysia.

Tujuan

- Rekabentuk PAP bagi bangunan Klinik Kesihatan dapat diseragamkan dari segi spesifikasi dan kos agar mudah dibenteng dan dijelaskan pada pihak MOF untuk kelulusan peruntukan pembangunan bersama pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Latar belakang

- JKR mengeluarkan rekabentuk PAP bagi bangunan Klinik Kesihatan dengan peruntukan pembangunan yang perlu mendapat kelulusan pihak MOF. Namun rekabentuk piawai tersebut tidak seragam dan menimbulkan persoalan daripada pihak MOF kerana tidak seragam dari segi spesifikasi dan kos bagi setiap projek dan negeri yang terlibat. Merujuk kepada UBBL 1984 (as at 1st Nov 2015), TENTH SCHEDULE, *Occupancy Hazard* bagi *Clinic Day Care* tidak memerlukan keperluan bagi penggunaan Sistem Sprinkler bagi bangunan klinik jagaan harian. Merujuk kepada UBBL Selangor (2012), TENTH SCHEDULE, *Occupancy Hazard* bagi *Clinic Day Care* memerlukan keperluan bagi penggunaan Sistem Sprinkler bagi bangunan klinik jagaan harian melebihi 2,000 meter persegi.

USUL 4

Ir. Siti Nor binti Hassan / Ir. Hamzah bin Ismail
Caw. Kejuruteraan Elektrik, JKR

Usul

- Cadangan agar pihak JBPM dapat menyeragamkan dan menyediakan garis panduan dalam menentukan pemilihan tangga bomba untuk meletakkan *fireman switch*.

Tujuan

- Mengelakkan kesilapan berulang dan supaya *fireman switch* dapat diletakkan di tangga bomba mengikut spesifikasi pihak JBPM.

Latar belakang

- Pihak CKE mempunyai masalah dalam menentukan tangga bomba untuk meletakkan *fireman switch*. Terdapat projek dimana pihak JBPM tidak bersetuju dengan lokasi *fireman switch* yang telah ditetapkan dan pihak CKE perlu merekabentuk semula. Contoh projek Bangunan Pentadbiran Aswara.

USUL 5

Ir. Siti Nor binti Hassan / Ir. Hamzah bin Ismail
Caw. Kejuruteraan Elektrik, JKR

Usul

- Cadangan supaya pihak JBPM memuktamadkan penggunaan contactor ataupun shunt trip@MCCB bagi *fireman switch*.

Tujuan

- Supaya semua rekabentuk untuk *fireman switch* oleh pihak JKR adalah seragam.

Latar belakang

- Pihak CKE mempunyai kekeliruan berkenaan adakah rekabentuk *fireman switch* boleh menggunakan contactor ataupun perlu gunakan shunt trip@MCCB.

USUL 6

Ir. Siti Nor binti Hassan / Ir. Hamzah bin Ismail
Caw. Kejuruteraan Elektrik, JKR

Usul

- Cadangan agar pihak JBPM dapat menyeragamkan dan mempiawaikan UBBL Jadual Kesepuluh (*Tenth Schedule: Table of Requirements for Fire Detection, Fire Alarm and Fire Extinguishment Systems*) antara semua negeri di Malaysia.

Tujuan

- Supaya semua rekabentuk dan keperluan *Manual Alarm System/Public Address System* dapat diseragamkan.

Latar belakang

- Pihak CKE mempunyai kekeliruan berkenaan adakah pihak JBPM akan menyeragamkan dan mempiawaikan Jadual Kesepuluh antara semua negeri. Contoh Jadual 10 dari negeri Selangor tidak sama dengan negeri-negeri lain.

USUL 7

Ar. Sharina Intan bt. Abdullah
Caw. Arkitek, JKR

Usul

- Penyeragaman syarat-syarat kelulusan kebombaan di antara Ibu Pejabat Bomba dan Bomba Negeri- negeri. Terdapat juga tafsiran yang berbeza di antara pegawai- pegawai.

Tujuan

- Penyeragaman syarat- syarat kelulusan ini akan membenarkan lukisan piawai JKR dilaksanakan di semua negeri, tidak terhad kepada negeri yang meluluskan pelan kebombaan tersebut.

Latar belakang

- Lukisan piawai JKR disediakan untuk pelaksanaan di seluruh negara. Namun, terdapat bomba-bomba negeri yang mengenakan syarat-syarat tambahan/pindaan ke atas lukisan tersebut apabila dikemukakan.

USUL 8

Ir. TL Chen / Ir. Au Chong Hun
ACEM

Usul

- Memohon penguatkuasaan sesuatu Keperluan Pepasangan Keselamatan Kebakaran(PKK) baharu/polisi baharu oleh JBPM hendaklah **mengecualikan** projek-projek yang telah dikemukakan atau diluluskan dengan syarat:
 - i) **Pengemukaan Pelan Bangunan(PB)** telah dibuat tidak lebih 18 bulan dari tarikh kelulusan Kebenaran Merancang(KM); atau
 - ii) **Kelulusan PB** diperolehi tidak lebih 30 bulan dari Tarikh Kebenaran Merancang(KM); **yang mana kemudian.**


Tujuan

- Penguatkuasaan Keperluan PKK baharu hendaklah mengambil kira pelbagai faktor seperti projek yang telah dirancang, direkabentuk dan kontrak yang telah dimeterai yang akan melibatkan masa, kos dan kekangan bagi pindaan rekabentuk bangunan.

Latar belakang

- Penguatkuasaan Keperluan PKK baharu/polisi baharu oleh JBPM yang melibatkan kesan kepada **luas lantai dan implikasi terhadap kontrak** yang dimeterai sedangkan Kebenaran Merancang(KM) telah diluluskan. Pindaan terhadap PB perlu dibuat dan mengakibatkan kelewatan dalam pengemukaan PB.

CONTOH SENARIO PERMOHONAN PENGECCUALIAN YANG DICADANGKAN BAGI **PEMBANGUNAN BAHARU**



USUL 9

Ir. TL Chen / Ir. Au Chong Hun
ACEM

Usul

- Penetapan bahan binaan bagi keselamatan kebakaran (fire safety) yang dikeluarkan sijil Pepasangan Keselamatan Kebakaran (Sijil Perakuan Bahan) hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 3 jenama/pengeluar di pasaran.

Tujuan

- Bagi memastikan amalan baik dan untuk mengelakkan monopoli dan manipulasi harga.

Latar belakang

- JBPM hendaklah mengadakan jerayawara (roadshow) kepada pihak yang berkepentingan melalui wakil-wakil dan tempoh masa yang munasabah kepada mereka.

USUL 10

Ir. TL Chen / Ir. Au Chong Hun
ACEM

Usul

- Mencadangkan jarak maksimum 50m dari *hos reel* ke *hose reel*, kerana ini akan memenuhi liputan oleh *hose reel* berdasarkan MS 1489-1.


Tujuan

- Memenuhi liputan oleh *hose reel* berdasarkan MS 1489-1.


Latar belakang

- MS 1489-1 tidak menyatakan jarak *hose reel* 30m point to point


Liputan Antara Gegelung Hos



Gambar Rajah 1



Gambar Rajah 2



Gambar Rajah 3

USUL 11

Ir. Thin Choon Chai / Ir. Wong See Foong
IEM

Usul

- Memperakukan lebih banyak makmal ujian pam kebomgaan samada secara permit sementara oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) memandangkan setakat ini hanya ada satu(1) makmal ujian sahaja yang mana tidak dapat menampung permintaan ujian yang tinggi.

Tujuan

- Mengelakkan masa menunggu ujian yang lama dan memastikan kos ujian yang kompetitif.

Latar belakang

- JBPM telah menguatkuasakan MS 2616 bagi ujian pam kebomgaan, walaupun hanya terdapat satu(1) buah makmal ujian pam kebomgaan sahaja di Malaysia menyebabkan kos ujian agak tinggi.

USUL 12

Ir. Thin Choon Chai / Ir. Wong See Foong
IEM

Usul

- Dicadangkan supaya *pump acceptance testing* bagi ujian kadar aliran pam berdasarkan ISO 9906-2012 kepada **tolerance Grade 2B** berbanding Grade 1U yang digunakan sekarang.

Tujuan

- Menetapkan *pump acceptance testing* ujian aliran pam pada Gred 2B senang untuk dicapai dan mencukupi bagi tujuan pam menentang kebakaran. Australian Standard **AS 2941:2013 Fixed fire protection installations – Pumpset systems** juga menetapkan Grade 2B sebagai *pump acceptance testing*.

Latar belakang

- MS 2616 menetapkan ujian kadar aliran pam berdasarkan ISO 9906-2012 adalah dalam *tolerance* Grade 1U yang terlalu ketat dan sukar untuk dicapai.

AS 2941:2013 Fixed Fire Protection Installations – Pumpset Systems**Table 8 — Pump test acceptance grades and corresponding tolerance**

Grade	1			2		3	Guarantee requirement
T_Q	10 %			16 %		18 %	
T_H	6 %			10 %		14 %	
Acceptance grade	1U	1E	1B	2B	2U	3B	Mandatory
T_Q	+10 %	±5 %		±8 %	+16 %	±9 %	
T_H	+6 %	±3 %		±5 %	+10 %	±7 %	
T_P	+10 %	+4 %		+8 %	+16 %	+9 %	Optional
T_η	≥0 %		-3 %	-5 %		-7 %	
NOTE $T_X(X = Q, H, P, \eta)$ stands for the tolerance of the indicated quantity.							

USUL 13

Ir. Thin Choon Chai / Ir. Wong See Foong
IEM

Usul

- *Mempercepatkan pendaftaran fire safety contractor.*

Tujuan

- Untuk mengelakkan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang tidak mahir(incompetent).

Latar belakang

- Tiada kawalan pendaftaran *fire contractor* menyebabkan kerja-kerja pemasangan keselamatan kebakaran dilaksanakan oleh kontraktor yang tidak mahir(incompetent).

USUL 14

Muhammad Seif bin Abdullah
IMDEMM

Usul

Garis Panduan atau Peraturan BOMBA diperlukan untuk aspek berikut bagi Pengungsian Kecemasan di bangunan tinggi:
Kaedah Pemindahan (Evacuation Method)
Keperluan refuge floor(kawasan/lantai perlindungan)
Penggunaan lif untuk pemindahan kecemasan (evacuation lift)
Keperluan bagi Tempat Berkumpul (Assembly area requirements)

Tujuan

- Penetapan keperluan dan kaedah bagi pengungsian bangunan tinggi.

Latar belakang

- Tiada peruntukan yang jelas dalam UBBL berhubung kaedah pengungsian bangunan semasa kecemasan. Pengungsian bangunan dicadangkan oleh *fire safety engineer* dan dipersetujui oleh JBPM berdasarkan kes demi kes.

USUL 15

Dr. Yeoh Oon Tean

Federation of Malaysian Manufacturer (FMM)

Usul

- Penyeragaman penggunaan standard bagi *In Rack Sprinkler*.

Tujuan

- Memastikan standard yang seragam digunakan oleh pegawai bomba seluruh negara.

Latar belakang

- *In Rack Sprinkler* tidak dinyatakan secara khusus di dalam UBBL 1984 dan Akta 341 menyebabkan tafsiran berbeza oleh pegawai bomba samada merujuk kepada British Standard(BS), National Fire Protection Association (NFPA) atau Malaysia Standard(MS).

USUL 16

Dr. Yeoh Oon Tean

Federation of Malaysian Manufacturer (FMM)

Usul

- Mencadangkan supaya JBPM mengeluarkan garis panduan dan SOP bagi permohonan Perakuan Bomba(FC) dan pembaharuan FC.

Tujuan

- Mengelakkan *fire contractor* mengaut keuntungan yang tinggi dan memastikan pemilik premis berurusan secara terus dengan JBPM bagi urusan FC.

Latar belakang

- Ada syarikat memaklumkan kepada FMM bahawa mereka telah diminta oleh Pegawai Bomba supaya melantik *fire consultant* untuk memperbaharui Perakuan Bomba menyebabkan kos yang begitu tinggi dikenakan iaitu antara RM15,000.00 hingga RM25,000.00 setiap premis.

USUL 17

Tay Hao Giang/Mr Goh Khang Yien
The Institution of Fire Engineers Malaysia Branch

Usul

- *Lift landing door* perlu diuji berdasarkan MS 1073: Part 3: 1996 sama seperti pintu api bagi melindungi bukaan pada *protected shaft*.

Tujuan

- Menghalang kemerebakan api dan asap ke tingkat atas.

Latar belakang

- *Lift landing door* perlu mempunyai kriteria yang sama seperti pintu api iaitu mematuhi kriteria insulasi dan integriti berdasarkan UBBL 136, 147, 148, 150, 162 dan 213.

USUL 18

Tay Hao Giang/Mr Goh Khang Yien
The Institution of Fire Engineers Malaysia Branch

Usul

- Jumlah aliran air bagi *3 way landing valve wet riser* hendaklah 2,250 l/m dengan mengambil kira keperluan JBPM menetapkan *3 way landing valve* di tingkat paling tinggi(*topmost floor*).

Tujuan

- Memastikan aliran air yang diperlukan mencukupi dan kapasiti dan rekabentuk pam yang memenuhi *design criteria* bagi menentang kebakaran bangunan tinggi.

Latar belakang

- Jumlah aliran air bagi *2 way landing valve* mengikut MS 1489-2:2012 dan BS 9991 ialah 1,500 l/m. Bagaimanapun JBPM menetapkan *3 way landing valve* di tingkat paling tinggi.

P.U. (A)
207

[illegible]

Perintah Bayaran (Perkhidmatan Bomba) 1977
Ordinan Bayaran 1951

 24 December 2021 27 December 2021 P. R. (3) 863	WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE
PERATURAN PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (FI TUGAS KHAS) 2021 <i>FIRE SERVICES (SPECIAL DUTY FEES) REGULATIONS 2021</i> DISSEMINATED BY: PUBLISHED BY: KEMENTERIAN PERKELIAHAN NEGARA ATTENTION: GENERAL INFORMATION	

Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba
(Fi Tugas Khas) 2021

Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Fi Tugas Khas) 2021

Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Fi Tugas Khas) 2021 melibatkan :

- **Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat**
 - a) Penggunaan Kenderaan JBPM Bagi Tujuan Luar Kecemasan
- **Bahagian Keselamatan Kebakaran**
 - a) Pemeriksaan Bangunan
 - b) Pemeriksaan dan Pengujian PKK
- **Bahagian Penyiasatan Kebakaran**
 - a) Penggunaan Kelengkapan Makmal Penyiasatan Kebakaran
- **Bahagian Perancangan dan Penyelidikan**
 - a) Kelengkapan dan Pengujian PKK
- **Bahagian Udara**
 - a) Penggunaan Kenderaan JBPM Bagi Tujuan Luar Kecemasan

P.U. (A) 443

JADUAL
(Peraturan 2)

No	(1) Tugas Khas	(2) Fi (RM)
1.	Pemeriksaan Bangunan	
	(a) bagi pemeriksaan pertama	100.00
	(b) bagi pemeriksaan berkala	200.00
2.	Pemeriksaan dan Pengujian Kelengkapan Menentang Kebakaran ATAU PEPASANGAN KESELAMATAN KEBAKARAN	
	Sistem paip air bertekanan	100.00 bagi setiap stack
	Sistem paip air bertekanan	
	(a) bagi setiap set paip	150.00
	(b) bagi setiap stack	100.00
	Pili bomba	100.00 bagi setiap unit
	Sistem pili bomba bertekanan	
	(a) bagi setiap set paip	150.00
	(b) bagi setiap unit pili bomba	100.00
	Fixed water monitor	
	(a) bagi setiap set paip	150.00
	(b) bagi setiap unit monitor	10.00

3

29

Perbandingan P.U. (A) 207 & FI TUGAS KHAS 2021

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Bil	Perkara	P.U.(A) 207	Fi Tugas Khas 2021
	Inspection of Premises		
1.1	For first inspection	1.00	100.00
1.2	For subsequent inspection.	100.00	200.00
	Inspection and Testing on Fire Fighting Equipment or Fire Safety Installation		
2.1	Dry Riser System (a) for each stack	50.00	100.00
2.2	Wet Riser System (a) for each pump set	100.00	150.00
	(b) for each stack		100.00
2.3	Fire Hydrant (a) for each unit	100.00	100.00

Perbandingan
P.U. (A) 207 & FI TUGAS KHAS 2021
 Bahagian Keselamatan Kebakaran

Bil	Perkara	P.U.(A) 207	FI Tugas Khas 2021
2.4	Pressurised Fire Hydrant System (a) for each pump set	100.00	150.00
	(b) for each unit		100.00
2.5	Hose reel system (a) for each pump set	5.00	50.00
	(b) for each unit		10.00
2.6	Automatic Sprinkler System a) for each pump set	50.00	150.00
	b) for each sprinkler head	0.50	2.00
2.7	Smoke Control System (a) for each system	50.00	100.00
2.8	Automatic Fire Detection System (a) for each unit	1.00	5.00
	(b) for each system		100.00

31

Perbandingan
P.U. (A) 207 & FI TUGAS KHAS 2021
 Bahagian Keselamatan Kebakaran

Bil	Perkara	P.U.(A) 207	FI Tugas Khas 2021
2.9	Manual Call Point (a) for each unit	2.00	5.00
	(b) for each system		100.00
2.10	Firemen Intercom System a) for each unit	50.00 (each system)	5.00
	Fire Damper a) for each unit	5.00	10.00
2.11	Fire Lift a) for each unit	50.00	100.00
2.12	Fire Door: (a) for each unit	1.00	5.00
2.13	Main Fire Alarm Panel (a) for each unit	20.00	50.00
2.14	Portable Fire Extinguisher (a) for each unit	5.00	10.00

32

Perkara Baharu

FI TUGAS KHAS 2021

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Bil	Perkara	P.U.(A) 207	FI Tugas Khas 2021
2.15	Fixed Water Monitor: (a) each pump set		150.00
	(b) for each unit of monitor		10.00
2.16	Water Spray System (a) for each pump set		150.00
	(b) each sprinkler head		2.00
2.17	Foam System (a) for each pump set		150.00
	(b) for each nozzle head		2.00
2.18	Gaseous System (a) for each system		150.00
2.19	Other automatic fire extinguishing system (a) for each system		150.00

33

Perkara Baharu

FI TUGAS KHAS 2021

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Bil	Perkara	P.U.(A) 207	FI Tugas Khas 2021
2.20	Pressurization System (a) for each system		100.00
2.21	Public Address System (a) for each system		50.00
2.22	Electrical Isolation Switch (a) for each unit		5.00
2.23	Fire Escape Bed Lift (a) for each unit		100.00
2.24	Passenger Lift (a) for each unit		50.00
2.25	Emergency Power System (a) for each unit		20.00
2.26	Fire Roller Shutter (a) for each unit		10.00
2.27	Emergency Light (a) for each unit		2.00

34

Perkara Baharu

FI TUGAS KHAS 2021

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Bil	Perkara	P.U.(A) 207	FI Tugas Khas 2021
2.28	Emergency Exit Sign Light (a) for each unit		2.00
2.29	Trolley Type Fire Extinguisher (a) for each unit		10.00
2.30	Fire Rated Duct (a) per m ³		1.00
2.31	Smoke Curtain: (a) for each unit		5.00
2.32	Fire Rated Lift Landing Door (a) for each unit		5.00
2.33	External Wall Cladding System (a) for each system		100.00
2.34	Protected Staircase/Fire-fighting Staircase (a) for each shaft		100.00

35

